



**MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
JOHOR DARUL TAKZIM**

Tender adalah dipelawa kepada KONTRAKTOR BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontrak (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) atau berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan bertaraf Bumiputera (jika berkaitan) yang masih sah tempohnya (sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh tutup) dibenarkan menyertai tender berikut dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan :

NO.TENDER	TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN
MPM(JK)K/1/2023	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU JALAN LED JENIS TIANG DEKORATIF SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI HADAPAN BANGUNAN PEJABAT MPM, JALAN PINTASAN MUAR, MP MUAR	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) <b>GRED G3 – G7</b> KATEGORI E PENGGHUSUSAN <b>E04 DAN E16</b> <b>E04 - PEMASANGAN VOLTAN RENDAH DAN</b> <b>E16 - LAMPU JALAN &amp; LAMPU ISYARAT TARAF BUMIPUTERA</b> HARGA DOKUMEN : RM50.00
MPM(JK)K/2/2023	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PENCAHAYAAN LAMPU JALAN JENIS LED SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DARI PERSIMPANGAN PERINDUSTRIAN PAGO HINGGA KE HUB UNIVERSITI, JALAN MUAR-LABIS, MP MUAR	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) <b>GRED G3 – G7</b> KATEGORI E PENGGHUSUSAN <b>E04 DAN E16</b> <b>E04 - PEMASANGAN VOLTAN RENDAH DAN</b> <b>E16 - LAMPU JALAN &amp; LAMPU ISYARAT TARAF BUMIPUTERA</b> HARGA DOKUMEN : RM50.00
MPM(B/LKP)2/2023	MENYELENGGARA POKOK-POKOK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN MP MUAR TAHUN 2023	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) <b>GRED G3</b> KATEGORI CE PENGGHUSUSAN <b>CE21 ATAU CE14</b> <b>CE21 - KERJA AM KEJURUTERAAN ATAU</b> <b>CE14 - LANDSKAP DI LUAR BANGUNAN TARAF BUMIPUTERA</b> HARGA DOKUMEN : RM50.00

- Naskah Meja Tawaran boleh disemak di **Unit Perolehan Dan Pengurusan Kontrak, Majlis Perbandaran Muar** pada waktu pejabat bermula **5 MAC 2023**. Dokumen Tawaran akan dijual dengan bayaran sebanyak **RM50.00** bermula **8 MAC 2023** hingga **30 MAC 2023**. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat **BENTUK DRAFT BANK, KIRIMAN WANG POS (MONEY ORDER), KIRIMAN POS BERPALANG SAHAJA, WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK DITERIMA** dan dibayar atas nama MAJLIS PERBANDARAN MUAR di Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Muar (bayaran tidak akan dikembalikan). Kontraktor / Syarikat hendaklah membawa **sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontrak (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera, Sijil Virtual Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan) dan No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). HANYA PENAMA DI SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN(SPKK) / SIJIL VIRTUAL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) SAHAJA YANG BOLEH** membeli dokumen tender. Satu salinan bagi setiap sijil tersebut hendaklah diserahkan semasa membeli dokumen tender tersebut.
- Lawatan / Taklimat Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan ditetapkan pada hari **RABU 8 MAC 2023 JAM 2:30 - 4:30 PETANG**. Semua Kontraktor / Syarikat dikehendaki berkumpul di **DEWAN JUBLI INTAN, JALAN ARAB** sebelum masa yang ditetapkan bagi lawatan / taklimat tapak. **HANYA PENAMA DI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAK (SPPK) SAHAJA YANG BOLEH MENGHADIRI LAWATAN TAPAK ATAU SESI TAKLIMAT TENDER.**
- Tawaran ditutup pada hari **KHAMIS 30 MAC JAM 12:00 TENGAH HARI**. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis nombor tender dan dimasukkan terus ke dalam Peti Tawaran Tender di pejabat Majlis Perbandaran Muar, Jalan Maharani pada atau sebelum tarikh tutup tawaran. Dokumen tawaran yang dihantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan ke Unit Perolehan Dan Pengurusan Kontrak, Majlis Perbandaran Muar untuk dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum pukul 12:00 tengah hari pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas.
- Majlis Perbandaran Muar tidak terikat / menerima mana-mana tawaran yang terendah atau tertinggi atau sebarang tawaran.

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR,  
MUAR.**